



**ABD Karim bergambar kenangan bersama peserta bengkel.**

## **FKJ UMS bangun sistem penilaian baharu pelajar**

UB 12.8.2017 A6

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Kejuruteraan (FKJ) telah membangunkan Sistem Purata Nilain Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) yang sedia untuk dilaksanakan pada sesi kemasukan pelajar baharu September 2017/2018 akan datang.

Dekan FKJ Prof Ir Dr Abd Karim Mirasa berkata, Jawatankuasa iCGPA FKJ yang dibentuk sejak November 2016 dipertanggungjawabkan bagi memastikan reka bentuk dan pembangunan sistem iCGPA itu menepati kehendak dan keperluan program-program di UMS.

“iCGPA diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia untuk meningkatkan sahsiah dan kreativiti pelajar ke arah melahirkan graduan yang holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang.

“Dalam mendukung inisiatif KPT itu, FKJ komited untuk melaksanakan iCGPA kepada para pelajar baharu yang bakal mendaftar dalam Program Kejuruteraan Awam (HK01) bagi sesi kemasukan September 2017/2018 akan datang, bersama Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) iaitu bagi Program Perakaunan

(HE02),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Penyediaan Manual Sistem iCGPA 2017 di Cafe D’Sireh, UMS.

Menurut beliau, segala garis panduan dan manual bagi Sistem iCGPA UMS yang terhasil melalui bengkel itu akan diterbitkan untuk kegunaan dan rujukan pada masa hadapan.

“Pusat Pengurusan Strategik dan Akademik (PPSA) UMS yang diamanahkan untuk memantau dan menyelaras perancangan dan pelaksanaan iCGPA UMS turut terlibat dalam menjayakan bengkel ini,” katanya.

Bengkel sehari itu dihadiri seramai 25 orang daripada kalangan warga FKJ dan PPSA.

Hadir sama pada program itu ialah Timbalan Pengarah PPSA Dr Mohd Hanafi Ahmad Hijazi, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FKJ Prof Madya Dr Ismail Saad, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FKJ Dr Mohd Kamel Wan Ibrahim dan Timbalan Pendaftar FKJ Azmi Jumat.



**ABD Karim menyampaikan ucapan perasmian.**